

# GARIS PANDUAN TATACARA MEMBACA DOA DI MAJLIS-MAJLIS RASMI DAN SEPARUH RASMI KERAJAAN

## 1. TUJUAN

Garis panduan ini disediakan sebagai panduan kepada pihak-pihak yang terlibat menganjurkan sesuatu Majlis Rasmi dan Majlis Separuh Rasmi yang melibatkan bacaan doa.

## 2. PENDAHULUAN

Doa adalah satu ibadat. Ia merupakan satu tanda kerendahan hamba terhadap Allah S.W.T. Ia boleh dilakukan secara individu atau berkumpulan. Sesuatu doa itu hendaklah dilakukan dengan ikhlas, khusyuk, tertib penuh tawadu' dan mesti dilakukan dengan cara yang sesuai dengan kehendak syarak. Ini bermakna doa tidak boleh dilakukan sebagai satu budaya atau adat. Doa merupakan satu cara hidup yang diajar oleh Rasulullah S.A.W.

Sebagai satu ibadah, doa hendaklah dilakukan di tempat yang betul, masa yang sesuai dan suasana yang baik. Garis Panduan doa ini adalah bagi bacaan doa secara berkumpulan atau beramai-ramai yang dilakukan dalam mana-mana majlis atau upacara rasmi atau separuh rasmi di negara ini.

## 3. RASIONAL

Perlembagaan Persekutuan (Perkara 3) memperuntukkan bahawa agama Islam adalah Agama Bagi Persekutuan. Oleh itu amalan membaca doa dalam Majlis-majlis Rasmi dan Separuh Rasmi Kerajaan adalah suatu

amalan yang suci dan murni sesuai dengan kedudukan agama Islam di negara ini

#### **4. TAKRIF**

##### **4.1. MAJLIS RASMI**

Majlis Rasmi adalah suatu majlis yang dianjurkan oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri.

##### **4.2. MAJLIS SEPARUH RASMI**

Majlis Separuh Rasmi adalah majlis yang dianjurkan selain dari kerajaan tetapi dihadiri oleh para pembesar atau pemimpin negara, sama ada di peringkat negeri atau persekutuan (negara).

##### **4.3 DOA**

Doa ialah satu ucapan permohonan iaitu memohon dari hamba (manusia) kepada Allah dengan hati yang ikhlas bagi mendapat rahmat, inayah (pertolongan) dan juga bagi dijauhkan dari bala' bencana dengan cara dan adab yang tertentu.

#### **5. TARAF PEMBACA DOA**

5.1 Pembaca doa bagi majlis di peringkat persekutuan yang dihadiri oleh Seri Paduka Baginda Yang diPertuan Agong, doa hendaklah dibaca oleh Sahibus Samahah Mufti Wilayah Persekutuan atau Timbalan Mufti.

5.2 Pembaca doa bagi majlis di peringkat negeri yang dihadiri oleh Duli

Yang Maha Mulia Sultan atau Raja, doa hendaklah dibaca oleh Sahibus Samahah Mufti Negeri atau Timbalan Mufti atau amalan yang biasa diguna pakai oleh negeri tersebut.

- 5.3 Bagi majlis-majlis lain, pembaca doa boleh dilantik daripada kalangan mereka yang layak, seperti mana dalam para 6 di bawah.

## **6. KRITERIA PEMBACA DOA**

- 6.1 Pembaca doa seelok-eloknya seorang lelaki dan beragama Islam, boleh menyebut perkataan-perkataan dalam Bahasa Melayu dan Arab dengan tepat, fasih dan betul.
- 6.2 Pembaca doa seboleh-bolehnya individu yang mempunyai akhlak dan sahsiah yang baik yang tidak dipertikai oleh pendengar dan masyarakat.
- 6.3 Pembaca doa mestilah mengetahui kesesuaian doa yang dibaca bagi satu-satu majlis yang diadakan.

## **7. TATACARA DAN ADAB-ADAB MEMBACA DOA**

- 7.1 Pembaca doa hendaklah datang ke majlis lebih awal sebelum majlis dimulakan.
- 7.2 Pembaca doa hendaklah memastikan dimana tempat bacaan doa.
- 7.3 Sebelum memulakan doa, pembaca doa hendaklah memberi tanda hormat kepada tetamu khas dan lain-lain tetamu yang hadir.

- 7.4 Pembaca doa hendaklah mengangkat tangan ketika berdoa.
- 7.5 Pembaca doa hendaklah membaca dengan nada suara yang sesuai dengan maksud ayat di samping suara yang jelas, tidak terlalu laju dan hendaklah dibaca dengan khusyuk serta tawadu'.
- 7.6 Tidak digalakkan pembaca doa membalikkan tangan taktala memohon tolak bala'.

## 8. PAKAIAN

Pembaca doa hendaklah memakai pakaian yang bersesuaian dan jika memakai pakaian kebangsaan hendaklah lengkap bersampin dan bersongkok.

## 9. TEKS DOA

### 9.1 Mukaddimah Doa Dan Penutup

- i. Permulaan doa hendaklah mengandungi lafaz,  

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

puji-pujian dan selawat ke atas Nabi Muhammad S.A.W.
- ii. Doa seelok-eloknya didahului dengan bacaan dalam Bahasa Arab dan diikuti dengan doa dalam bahasa-bahasa lain.

- iii. Pada bahagian akhir doa seelok-eloknya mengandungi bacaan selawat dan *Tahmid* dalam Bahasa Arab.

## 9.2 Isi Kandungan Doa

- i. Teks doa hendaklah mengandungi permohonan untuk keselamatan, kesejahteraan umum dan diikuti dengan permohonan doa secara khusus sesuai dengan majlis berkenaan.
- ii. Isi kandungan doa juga boleh diterjemah dalam Bahasa Inggeris, Arab dan bahasa-bahasa lain, sesuai dengan hadirin dan majlis tersebut.
- iii. Teks doa setiap perenggan sebaik-baiknya disebut nama-nama Allah (الأسماء الحسنى) dan sifat-sifat Allah sesuai dengan perkara yang dipohon seperti يارزاق (Yang Maha Pemberi Rezeki) bagi doa untuk memohon rezeki.
- iv. Sekiranya majlis yang dianjurkan dihadiri oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang diPertuan Agong sama ada sebagai perasmi majlis atau jemputan khas, pembaca doa hendaklah menyebut secara khusus doa kesejahteraan yang ditujukan kepada Baginda sendiri sebagai satu penghormatan kepada pemimpin agama Islam paling tinggi dalam negara.
- v. Teks doa juga sewajarnya menyebut doa kesejahteraan secara umum kepada pemimpin-pemimpin negara serta ummah keseluruhannya.
- vi. Teks doa tidak perlu menyebut perkataan-perkataan yang boleh menimbulkan suasana tidak harmoni di kalangan masyarakat dan negara.

## 9.3. Masa Pembacaan Doa

- i. Masa berdoa bagi majlis rasmi atau separuh rasmi sebaik-baiknya pada permulaan majlis tersebut.

- ii. Tempoh masa untuk membaca doa tidak melebihi 5 minit.

#### **9.4 Tempat Majlis Berdoa**

- i. Hendaklah di tempat perhimpunan yang bertujuan untuk kebaikan dan bersesuaian dengan ajaran Islam.
- ii. Tempat yang tidak mencemarkan kesucian agama Islam.

#### **9.5 Tempat Pembaca Doa**

- i. Penganjur hendaklah menyediakan tempat duduk yang sesuai untuk pembaca doa.
- ii. Tempat bacaan doa hendaklah di atas pentas (jika ada pentas).

### **10. PENUTUP**

Buku Panduan Membaca Doa Dalam Majlis Rasmi Dan Separuh Rasmi ini diharap dapat dijadikan rujukan panduan kepada pembaca-pembaca doa khususnya dan penganjur program rasmi dan separuh rasmi amnya.

Buku ini juga dapat membantu dan membimbing kepada semua lapisan masyarakat apabila berdoa mudah-mudahan ianya lebih berkualiti dan seragam diseluruh Negara.

## DOA DI MAJLIS-MAJLIS RASMI DAN SEPARUH RASMI KERAJAAN

### DOA MAJLIS PELANCARAN SAMBUTAN PERAYAAN BULAN KEMERDEKAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ ذِي الْعِزَّةِ وَالْجَلَالِ يَنْصُرُ الْعَامِلِينَ وَيُعِزُّ الصَّامِدِينَ الصَّابِرِينَ  
بِنِعْمَةِ الْحُرِّيَّةِ وَالْإِسْتِقْلَالِ بِيَدِهِ الْخَيْرُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ  
سَارَ عَلَىٰ نَهْجِهِ الْقَوِيمِ.

Segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W., ahli keluarganya dan para sahabat sekalian.

Ya Allah, sesungguhnya kami bersyukur kepada-Mu kerana memberi nikmat pembangunan dan kemerdekaan yang dapat dinikmati oleh rakyat di negara ini. Ya Allah, kekalkanlah pembangunan yang telah kami laksanakan sama ada yang berbentuk material atau spiritual . Martabatkanlah negara kami dan seluruh rakyat di negara kami. Kami bersyukur kepada-Mu ya Allah kerana kemajuan yang kami perolehi adalah hasil dari kemerdekaan yang telah Engkau anugerahkan kepada kami.

Sempena Sambutan Perayaan Bulan Kemerdekaan ini, kami pohonkan ehsan dari-Mu ya Allah, agar Engkau kurniakanlah kepada kami nikmat kesejahteraan

dan keselamatan yang berterusan, lindungilah kami dari segala keburukan dan keaiban, hindarkanlah kami dari segala rupa bentuk kemungkaran dan kemaksiatan. Peliharalah kami dari segala bencana, anugerahkanlah kami dengan kesihatan agar kami dapat berbakti kepada agama, bangsa dan negara tercinta ini.

Ya Allah Tuhan yang menguasai sekalian alam, Engkau peliharalah Malaysia negara kami yang kami cintai ini. Engkau peliharalah perpaduan diantara kami demi kepentingan negara Malaysia yang kami kasihi. Ya Allah kami bersyukur kepada-Mu kerana dapat hidup dalam keadaan aman, damai, harmoni, percaya-mempercayai, saling hormat-menghormati serta tolong-menolong yang menjadi tunjang kepada kemakmuran negara kami sehingga ke hari ini.

Ya Allah ya Tuhan yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang, Kami memohon restu dari-Mu, Engkau anugerahkanlah bangsa kami ini menjadi bangsa yang setanding dengan bangsa dan negara-negara maju lain di dunia ini.

اللَّهُمَّ يَا مُهَيِّمِنُ يَا حَفِيزُ

Engkau kekalkanlah kemerdekaan ini untuk generasi kami dan generasi yang akan datang. Engkau kurniakanlah kepada kami kekuatan, semangat dan kesabaran yang tinggi untuk membentuk generasi baru yang boleh menghargai dan mempertahankan kemerdekaan ini, agar perjuangan awal yang telah dirintis oleh orang-orang terdahulu daripada kami tidak akan menjadi sia-sia. Peliharalah kemerdekaan ini ya Allah, agar bangsa kami menjadi bangsa yang sihat, berdisiplin, bertoleransi, pemurah, peramah dan hidup di kalangan masyarakat berbilang kaum bagaikan satu keluarga.

Peliharalah kemerdekaan ini ya Allah, supaya hati kami, jiwa kami dan minda kami sentiasa berada dalam keimanan yang teguh dan dapat memakmurkan negara dan bangsa.

{ رَبَّنَا ءَاتِنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً وَهَيِّءْ لَنَا مِنْ أَمْرِنَا رَشَدًا } { رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ } وَصَلَّى اللهُ عَلَيَّ



سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ ءَالِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

## DOA MAJLIS PERASMIAN TILAWAH AL-QURAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ الْإِسْلَامَ لِلْمُسْلِمِينَ نِظَامًا، وَأَنْزَلَ الْقُرْآنَ الْكَرِيمَ  
دُسْتُورًا لِلنَّاسِ وَبَيَانًا وَجَعَلَهُ حِكْمًا وَحُكْمًا وَأَحْكَامًا. سَعَادَتُهُمْ فِي  
الْإِعْتِصَامِ بِحَبْلِهِ وَالْعَمَلِ بِأَوْامِرِهِ وَتَرْكِ نَوَاهِيهِ وَشِقَاؤُهُمْ فِي إِهْمَالِ  
الْعَمَلِ بِهِ وَمَا يَحْوِيهِ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ صَحَابَتِهِ  
وَعَالِهِ الَّذِينَ تَمَسَّكُوا بِأَوْامِرِ الدِّينِ وَنَشَرُوهُ نَقِيًّا خَالِصًا لِلْعَالَمِينَ.

Ya Allah, sempena Majlis Tilawah al-Quran pada kali ini, kami menadah tangan memohon rahmat dan keberkatan serta petunjuk al-Quran yang sentiasa Engkau pelihara di bawah kebesaran dan keagungan-Mu. Berilah dan tunjukkanlah kami jalan yang lurus dalam semua urusan hidup untuk kebahagiaan dunia dan juga akhirat.

اللَّهُمَّ يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ

Ya Allah, yang bersifat sempurna dan penuh kemuliaan. Kami memohon ehsan dari-Mu, kurniakanlah kepada kami nikmat kestabilan, kesejahteraan dan keselamatan. Lindungilah kami dari segala keburukan dan keaiban. Hindarkanlah kami dari segala rupa bentuk kemungkaran dan kemaksiatan.

Pimpinlah kami sekalian ke jalan yang Engkau redhai buat selama-lamanya.

اللَّهُمَّ يَا مُهَيِّمِنُ يَا رَقِيبُ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ

Ya Allah ya Tuhan kami, peliharalah negara kami Malaysia khususnya dan negara Islam di seluruh dunia amnya dari keadaan huru-hara dan segala bentuk ancaman. Peliharalah perpaduan kami rakyat Malaysia supaya hidup dalam keadaan aman damai, selamat sejahtera dan taat setia kepada negara.

{ رَبَّنَا اصْرِفْ عَنَّا عَذَابَ جَهَنَّمَ إِنَّ عَذَابَهَا كَانَ غَرَامًا إِنَّهَا سَاءَتْ مُسْتَقَرًّا وَمُقَامًا } { رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ } { رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ } وَأَدْخِلْنَا الْجَنَّةَ مَعَ الْأَبْرَارِ. يَا عَزِيزُ يَاغْفَرُ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ وَصَلَّى اللَّهُ وَسَلَّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

## DOA PERPISAHAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ يَا رَحْمَنُ يَا رَحِيمُ

Sempena majlis perpisahan persaraan dan pertukaran pegawai dan kakitangan yang diraikan pada saat ini kami menadah tangan memohon kehadiran-Mu ya Allah agar mereka diberkati, dikurniakan rahmat dan nikmat yang berpanjangan, sihat walafiat yang berkekalan.

اللَّهُمَّ يَا قَهَّارُ

Kami berdoa ke hadirat-Mu ya Allah agar mereka dikurniakan kekuatan fizikal dan mental untuk meneruskan kerja mereka dalam suasana berbeza serta dapat menjalankan tugas-tugas mereka dengan jayanya.

اللَّهُمَّ يَا مُجِيبُ

Jadikanlah kami yang masih dalam perkhidmatan ini agar dapat meneruskan tugas-tugas dengan cemerlang dan berkualiti demi memajukan masyarakat dan negara serta dipelihara dalam pemuliharaan dan keredhaan-Mu.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ جَمْعَنَا هَذَا جَمْعًا مَرْحُومًا وَتَفَرُّقَنَا مِنْ بَعْدِهِ تَفَرُّقًا مَعْصُومًا  
وَلَا تَجْعَلْ فِيْنَا وَلَا مَعَنَا شَقِيًّا وَلَا مَطْرُودًا وَلَا مَحْرُومًا.

Ya Allah, jadikanlah perhimpunan kami ini sebagai satu perhimpunan yang dirahmati dan perpisahan kami pula selepas ini sebagai satu perpisahan yang diberkati dan dilindungi. Dan janganlah Engkau jadikan pada diri kami ini, dan mereka yang bersama kami, kebinasaan, dan menyingkirkan kami dari memperoleh rahmat.

{ رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ }  
وَأَدْخِلْنَا الْجَنَّةَ مَعَ الْأَبْرَارِ يَا عَزِيزُ يَا غَفَّارُ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ . وَصَلَّى اللهُ  
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ  
الْعَالَمِينَ .

## DOA SAMBUTAN MAAL HIJRAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ عِبَادَهُ الْمُؤْمِنِينَ أَعَزَّةً أَحْرَارًا لَا يَرْتَضُونَ ظُلْمًا  
وَلَا هَضْمًا وَلَا هَوَانًا هَاجَرُوا مِنْ وَطَنِهِمُ الْعَزِيزِ لِيَسْتَعِدُّوا بِمَا اسْتَطَاعُوا  
مِنْ قُوَّةٍ وَعِزَّةٍ وَأَقَامُوا فِي الْمَدِينَةِ لِيَسْتَمْدُوا الْعَوْنَ مِنْ رَبِّهِمْ لِنَشْرِ الْحَقِّ  
وَتَبْلِيغِ الرِّسَالَةِ اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ  
وَأَصْحَابِهِ الَّذِينَ فَارَقُوا وَطَنَهُمْ إِلَى دَارِ هَجْرَتِهِمْ لِيَسْتَرِدُّوا كَرَامَتَهُمْ  
وَيُؤَاوِرُوا نَبِيَّهُمْ فِي دَعْوَتِهِ وَيُجَاهِدُوا أَعْدَاءَهُمْ لِنُصْرَتِهِ.

Alhamdulillah, dengan penuh khusyuk dan tawadu' kami bersyukur di atas segala nikmat dan rahmat yang telah Engkau kurniakan, di mana dengannya dapatlah kami berkumpul pada hari yang penuh berkat untuk bersama-sama meraikan majlis Maal Hijrah memperingati hijrah Rasulullah S.A.W.

اللَّهُمَّ يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِنْعَامِ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ

Ya Allah, sesungguhnya kami percaya dan yakin bahawa hijrah yang diperintahkan ke atas Rasul kami Nabi Muhammad S.A.W. adalah satu perancangan-Mu yang kemas dan teratur, demi memperkukuhkan kekuatan untuk menegakkan hak kebenaran, keadilan, kemakmuran, keamanan dan kebahagiaan.

اللَّهُمَّ يَا قَوِيُّ يَا عَزِيزُ يَا فَعَالٌ لِمَا يُرِيدُ

Sesungguhnya hijrah rasul-Mu merupakan peristiwa agung yang kami akan hayati. Ia merupakan ilham perjuangan umat setiap zaman, mengajar erti perpaduan, kejayaan menyatukan yang bertelingkah.

اللَّهُمَّ يَا فَتَّاحُ يَا عَلِيمُ

Bersempena dengan perhimpunan yang kami adakan ini, kami memohon supaya pengertian falsafah serta semangat hijrah akan dapat diteruskan. Sentiasa hidup di hati sanubari setiap umat termasuk sikap, watak dan perbuatan. Ya Allah, gerakkanlah hati, amalan dan fikiran kami kearah amalan makruf. Berhijrah kepada makruf, berhijrah dari maksiat kepada taubat dan keinsafan. Berhijrah dari kekufuran nikmat kepada bersyukur. Berhijrah daripada malas kepada rajin dan sedia berkorban. Berhijrah daripada jahil kepada berpengetahuan. Berkeadaan tidak baik kepada baik dan lebih baik mengikut petunjuk pimpinan-Mu ya Allah. Semoga dapat menempuh hidup baru dan maju ke hadapan sesuai tujuan manusia dijadikan sebagai khalifah di muka bumi yang luas terbentang.

اللَّهُمَّ يَا مُجِيبَ الدَّعَوَاتِ وَقَاضِيَ الْحَاجَاتِ

Peliharalah kami dan negara kami ini ya Allah serta seluruh negara Islam daripada sebarang huru-hara dari ancaman musuh dari luar mahupun dari dalam. Peliharakanlah perpaduan kami. Pereratkanlah tali persaudaraan di antara kami. Semoga hidup kami sentiasa berada dalam keadaan selamat sejahtera aman damai yang berpanjangan.

{ رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ وَثُبْ عَلَيْنَا إِنَّكَ أَنْتَ التَّوَّابُ  
الرَّحِيمُ } { رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ  
النَّارِ }

وَصَلَّى اللهُ وَسَلَّمَ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ ءَالِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

## DOA SAMBUTAN MAULIDUR RASUL

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَكْرَمَنَا بِمِيلَادِ خَيْرِ الْأَنْبَاءِ أَرْسَلَهُ رَبُّهُ رَحْمَةً وَقُدْوَةً  
صَالِحَةً يَقْتَدِي بِهَا الْمُؤْمِنُونَ. وَيَأْتِي قُدْوَتُهُ الْجَاهِدُونَ الضَّالُّونَ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، الَّذِي بَعَثَهُ اللَّهُ لِلْإِيمَانِ  
مُنَادِيًا وَإِلَى الشَّرِيعَةِ الْعَرَاءِ هَادِيًا وَدَاعِيًا وَبِالْمَعْرُوفِ ءَامِرًا وَعَنِ الْمُنْكَرِ  
نَاهِيًا وَنَشَرَ فِي النَّاسِ مَبَادِيءَ الْعَدَالَةِ الْإِجْتِمَاعِيَّةِ وَالْحُرِّيَّةِ وَالْمُسَاوَاةِ  
وَالْإِخَاءِ حَتَّى صَارَ النَّاسُ بَعْدَ ذَلِكَ بِنِعْمَةِ اللَّهِ إِخْوَانًا. وَعَلَى ءَالِهِ  
وَصَحْبِهِ الَّذِينَ سَلَكَوا طَرِيقَهُ وَاتَّبَعُوا نَهْجَهُ وَهَدْيَهُ.

Segala puji bagi Allah tuhan pentadbir seluruh alam, selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W, ke atas keluarga dan sahabat baginda.

Ya Allah ya Tuhan, di hari yang barakah ini kami zahirkan rasa syukur yang tidak terhingga atas segala anugerah-Mu kepada kami seluruhnya. Lantaran itu ya Allah jadikanlah kami semua sebagai hamba-Mu yang beriman, yang bertaqwa, yang berilmu, yang berakhlak mulia, yang sejahtera di dunia dan di akhirat.

Ya Allah ya Tuhan kami, sempena majlis sambutan Maulidur Rasul ini, kami memohon keampunan atas segala dosa-dosa kami, dosa kedua ibu bapa kami dan seluruh kaum muslimin dan muslimat sama ada yang masih hidup atau yang

telah kembali kepada-Mu ya Allah.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ رَحْمَةً مِنْ عِنْدِكَ تَهْدِي بِهَا قُلُوبَنَا وَتَجْمَعُ بِهَا  
أُمُورَنَا وَتُلْمُ بِهَا شَعَثَنَا وَتَرُدُّ بِهَا الْفِتْنَ عَنَّا وَتُصَلِّحُ بِهَا دِينَنَا وَدُنْيَانَا.

Kami jua memohon restu dan rahmat –Mu sempena sambutan Maulidur Rasul ini, semoga Engkau ya Allah memberi hidayah dan petunjuk kepada hati-hati kami, Engkau memperkukuhkan perpaduan kami, Engkau menjamin rezeki kami, Engkau memberi kekuatan serta semangat yang tinggi kepada kami, dorongkanlah kami ke arah melaksanakan kebaikan dan amal soleh serta kami memohon dipanjangkan usia diliputi dengan sihat wal-afiat memerintah negara kami yang tercinta ini.

اللَّهُمَّ يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ

Kami pohonkan juga ya Allah keselamatan dan kesejahteraan keamanan kemakmuran dan keberkatan negara kami yang dikasihi, rakyatnya sejahtera sentosa, agama-Mu terus terpelihara dan maju jaya dibawah pemerintahan pemimpin kami.

{ رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ }  
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ ءَالِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ  
رَبِّ الْعَالَمِينَ.



DOA KEBERANGKATAN  
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG  
KE SESUATU MAJLIS

---

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ يَا رَحْمَنُ يَا رَحِيمُ

Ya Allah satukanlah hati-hati kami sebagai insan yang bersaudara, eratkanlah perhubungan diantara kami untuk bekerjasama. Jadikanlah kami, hamba-Mu yang beriman dan bertaqwa, mematuhi segala perintah-Mu dan Rasul-Mu yang mulia, agar kami menjalani kehidupan sebagai manusia yang berguna untuk agama bangsa dan negara.

اللَّهُمَّ يَا مُجِيبَ الدَّعَوَاتِ وَقَاضِيَ الْحَاجَاتِ

Ya Allah Sempena keberangkatan Seri Paduka Paduka Baginda Yang diPertuan Agong (...) dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong (...) ke majlis ini, kami memohon kepada-Mu agar Engkau peliharakanlah serta lindungilah kedua-dua hamba-Mu ini, lanjutkanlah usia baginda berdua dalam keadaan iman dan taat, dalam keadaan selamat dan sihat. Dipohonkan taufiq dan hidayah yang berkekalan untuk memandu ke arah kebenaran. Begitu juga kami pohon pada-Mu ya Allah, keselamatan dan kesejahteraan putera-putera

dan puteri-puteri serta kerabat diraja sekaliannya.

اللَّهُمَّ يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ

Ya Allah peliharalah dan lindungilah juga pemimpin-pemimpin kami dan rakyat jelata amnya.

{ رَبَّنَا ءَاتْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ }  
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ ءَالِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَالْحَمْدُ  
لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

DOA KEBERANGKATAN LAWATAN RASMI SERI PADUKA  
BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG KE LUAR NEGARA

---

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ حَمْدًا يُؤَافِي نِعْمَهُ وَيُكَافِي مُزِيدَهُ يَا رَبَّنَا لَكَ  
الْحَمْدُ كَمَا يَنْبَغِي لِجَلَالِ وَجْهِكَ الْكَرِيمِ وَعَظِيمِ سُلْطَانِكَ اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَاةً تُنَجِّنَا بِهَا مِنْ جَمِيعِ الْأَهْوَالِ  
وَالْآفَاتِ وَتَقْضِي لَنَا بِهَا جَمِيعَ الْحَاجَاتِ وَتُطَهِّرُنَا بِهَا مِنْ جَمِيعِ  
السَّيِّئَاتِ وَتَرْفَعُنَا بِهَا عِنْدَكَ أَعْلَى الدَّرَجَاتِ وَتُبَلِّغُنَا بِهَا أَقْصَى  
الْغَايَاتِ مِنْ جَمِيعِ الْخَيْرَاتِ فِي الْحَيَاةِ وَبَعْدَ الْمَمَاتِ وَعَلَى ءَالِهِ  
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ يَا بَاسِطَ يَا حَفِيفُ يَا رَقِيبُ

Ya Allah di saat kami mengiringi keberangkatan hamba-Mu, Raja kami Seri Paduka Baginda Yang diPertuan Agong (...) dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong (...) untuk upacara lawatan rasmi ke negara (...), maka kami memohon ya Allah selamatkanlah serta peliharalah kedua-dua hamba-Mu Raja kami serta ahli rombongan sekalian dengan penuh ri'ayah dan sebaik-baik pemeliharaan di sepanjang masa keberangkatan hingga sampai ke tempat tujuan.

اللَّهُمَّ يَا مُهَيِّمٌ يَا عَزِيزٌ يَا جَبَّارٌ يَا مُتَكَبِّرٌ

Ya Allah tiada sesiapa yang dapat mengatasi Kudrat dan Iradat-Mu. Di tangan-Mu terletak segala kekuasaan, hanya pada-Mu kami sembah dan kepada-Mu jua kami memohon pertolongan.

Kami pohonkan ya Allah akan keselamatan dan kesejahteraan dikurniakan kepada baginda berdua dan ahli rombongan di sepanjang masa lawatan sehingga selamat berangkat pulang.

{ رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ }  
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ ءَالِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ  
رَبِّ الْعَالَمِينَ.

DOA KEBERANGKATAN TIBA SERI PADUKA BAGINDA YANG  
DIPERTUAN AGONG DARI LAWATAN RASMI KE LUAR NEGARA

---

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَرَبِّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ الْمَلِكِ الْقُدُّوسِ السَّلَامِ  
الْمُؤْمِنِ وَالصَّلَاةِ وَالسَّلَامِ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، الْأَمِينِ الْمَبْعُوثِ رَحْمَةً  
لِلْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ يَا مُهَيِّمِنُ يَا رَقِيبُ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ

Hanya puji-pujian dan kesyukuran yang dapat kami lafazkan kehadiran-Mu ya Allah, kerana telah memperkenankan doa dan permohonan serta harapan kami.

Maha Suci Engkau ya Allah, kerana telah mengurniakan nikmat keselamatan dan kesejahteraan sepanjang masa lawatan sehingga selamat berangkat pulang.

اللَّهُمَّ يَا رَحْمَنُ يَا رَحِيمُ

Sepertimana yang telah Engkau kurniakan nikmat keselamatan dan kesejahteraan ke atas hamba-Mu Raja kami Seri Paduka Baginda Yang diPertuan Agong (...) dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong (...) serta sekalian ahli rombongan diraja, maka kami pohonkan juga ya Allah agar

nikmat keselamatan dan kesejahteraan yang telah Engkau kurniakan itu berterusan ke atas baginda berdua di mana jua berada.

اللَّهُمَّ يَا حَفِيزُ يَا رَقِيبُ

Kurniakanlah kepada kami kebaikan, hindarkanlah kami dari segala keburukan dan selamatkanlah kami daripada segala kejahatan, jadikanlah kami hamba yang beriman supaya kami tergolong ke dalam golongan orang-orang yang berhak mendapat keredhaan-Mu ya Allah.

{ رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ }  
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ  
رَبِّ الْعَالَمِينَ.

DOA LAWATAN PEMIMPIN NEGARA  
UNTUK MELAKUKAN URUSAN RASMI / LAWATAN KERJA KE  
LUAR NEGARA

---

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ  
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. اللَّهُمَّ أَنْتَ السَّلَامُ  
وَمِنْكَ السَّلَامُ وَإِلَيْكَ يَعُودُ السَّلَامُ فَحِينَا رَبَّنَا بِالسَّلَامِ، يَا سَلَامُ سَلِّمْنَا  
أَجْمَعِينَ وَاجْعَلْنَا مِنْ عِبَادِكَ الصَّالِحِينَ.

يَا اللَّهُ يَا رَحْمَنُ يَا رَحِيمُ

Dengan penuh keberkatan dan keizinan-Mu ya Allah, kami memohon pada-Mu, berkatilah perjalanan pemimpin kami (...) serta seluruh ahli rombongannya sekalian. Limpahkanlah sepenuhnya rahmat kesejahteraan atas mereka di sepanjang perjalanan hinggalah sampai ke tempat tujuan.

يَا اللَّهُ يَا مُجِيبُ

Ya Allah, kami juga memohon kepada-Mu agar diberi peliharaan keselamatan dan kesihatan ke atas pemimpin kami serta ahli rombongan sekalian, semoga di jauhkan dari segala kesulitan mahu pun kesusahan walau di mana mereka

berada. Bekalkanlah mereka dengan rahmat kebijaksanaan semoga mereka dapat melaksanakan tugas dengan penuh cemerlang untuk agama, bangsa dan negara tercinta ini.

{ سُبْحَانَ الَّذِي سَخَّرْنَا هَذَا وَمَا كُنَّا لَهُ مُقْرِنِينَ وَإِنَّا إِلَى رَبِّنَا  
لَمُنْقَلِبُونَ } { بِسْمِ اللَّهِ مَجْرِيهَا وَمُرْسَاهَا إِنَّ رَبِّي لَغَفُورٌ رَحِيمٌ }  
{ رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ }  
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ ءَالِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ  
رَبِّ الْعَالَمِينَ.



## DOA MAJLIS PEMBUKAAN RASMI SIDANG PARLIMEN

---

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ حَمْدًا يُؤَافِي نِعَمَهُ وَيُكَافِي مُزِيدَهُ يَا رَبَّنَا لَكَ  
الْحَمْدُ كَمَا يَنْبَغِي لِجَلَالِ وَجْهِكَ الْكَرِيمِ وَعَظِيمِ سُلْطَانِكَ اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آئِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ يَا مُجِيبَ السَّائِلِينَ

Ya Allah, ya Tuhan kami, Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, kami sekalian hamba-Mu yang berhimpun di dewan yang mulia pada hari yang bersejarah dan gemilang ini, sempena Pembukaan Rasmi Penggal ke (...) Majlis Parlimen Malaysia ke (...) bagi tahun (...), memohon rahmat dan hidayah-Mu semoga diberikan cahaya petunjuk kepada hati kami, Engkau perkukuhkan perpaduan kami, Engkau berkatilah usaha kami dalam menjana pembangunan dan kemajuan negara kami ke arah yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang.

اللَّهُمَّ يَا عَزِيزُ يَا قَهَّارُ

Ya Allah, ya Tuhan kami, yang memiliki segala kekuasaan dan kemuliaan, kurniakanlah taufik dan hidayah-Mu sebagai panduan. Restuilah perancangan, perbahasan serta pertimbangan seluruh ahli dewan. Bimbinglah kami dengan sinaran petunjuk-Mu yang berterusan. Pimpinlah kami sekalian ke jalan yang

benar dan lurus supaya negara kami senang diurus. Hindarkanlah kami sekalian dari segala malapetaka dan sifat-sifat keji, hasad dengki, boros, iri hati dan perselisihan yang boleh membawa perpecahan dan kebinasaan. Anugerahkanlah kami kekuatan dan keupayaan untuk merangka strategi dan dasar negara yang berkesan bagi mencapai kecemerlangan dan kesejahteraan serta matlamat wawasan sebagaimana yang kami harap dan cita-citakan.

اللَّهُمَّ يَا وَلِيَّ السَّلَامِ

Kami memohon kepada-Mu ya Allah, peliharalah serta lindungilah hamba-Mu Raja kami Seri Paduka Baginda Yang diPertuan Agong (...) dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong (...). Lanjutkanlah usia baginda berdua dalam keadaan sihat dan sejahtera, kuat iman dan teguh pegangan, serta dilimpah rahmat dan keberkatan.

اللَّهُمَّ يَا ذَا الْجُودِ وَالْكَرَمِ

Ya Allah, ya Tuhan kami, kami pohonkan limpah rahmat, taufik dan hidayah-Mu kepada pemimpin-pemimpin kami dan seluruh rakyat negara kami yang tercinta ini. Mantapkanlah semangat dan keazaman mereka dengan penuh kesabaran dan bertawakkal kepada-Mu dalam memikul tanggungjawab memajukan negara, agama dan bangsa yang disanjung tinggi dan disegani, di bawah riayah dan naungan-Mu.

{ رَبَّنَا ظَلَمْنَا أَنفُسَنَا وَإِن لَّمْ تَغْفِرْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ }  
{ رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ }  
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ ءَالِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ

رَبُّ الْعَالَمِينَ.

## DOA MAJLIS PERKAHWINAN

---

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آئِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Segala puji hanya untuk-Mu ya Allah atas segala nikmat pemberian yang Engkau kurniakan kepada kami.

Ya Allah, pada hari yang berkat ini, kami berhimpun di majlis ini sebagai tanda kesyukuran kami atas nikmat-Mu bersempena dengan majlis perkahwinan yang diadakan oleh keluarga kedua-dua mempelai dengan selamat dan sempurna bagi pernikahan anakanda mereka (...).

اللَّهُمَّ يَا رَحِيمُ يَا وَدُودُ يَا ذَا الْجُودِ وَالْكَرَمِ

Bersempena dengan majlis ini juga kami memohon rahmat-Mu ya Allah, kurniakanlah kepada kedua mempelai yang diraikan ini kehidupan yang sihat

dan selamat sejahtera serta dikurniakan zuriat yang soleh. Perkukuhkanlah ikatan kasih sayang dan hormat menghormati antara mereka, berakhlak mulia dan berbudi bahasa, serta beriman dan bertakwa kepada-Mu ya Allah.

اللَّهُمَّ يَا بَدِيعَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ

Kami memohon rahmat-Mu agar dikurniakan keampunan, keberkatan dan sihat wal-afiat kepada seisi keluarga, tuan rumah dan sekalian yang hadir bagi meraikan majlis yang diberkati ini.

اللَّهُمَّ أَلْفَ بَيْنَ الْعَرُوسَيْنِ كَمَا أَلْفَتْ بَيْنَ الْمَاءِ وَالطِّينِ وَ بَيْنَ آدَمَ وَحَوَاءَ، وَبَيْنَ إِبْرَاهِيمَ وَهَاجَرَ وَسَارَةَ، وَبَيْنَ يُوسُفَ وَزُلَيْخَةَ، وَبَيْنَ أَيُّوبَ وَرَحْمَةَ، وَبَيْنَ مُوسَى وَصَفُورَةَ، وَبَيْنَ سُلَيْمَانَ وَبَلْقِيسَ، وَبَيْنَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَزَوْجَاتِهِ الْمُطَهَّرَاتِ رِضْوَانَ اللَّهِ عَلَيْهِنَّ أَجْمَعِينَ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ جَمْعَنَا هَذَا جَمْعًا مَرْحُومًا وَتَفَرُّقَنَا مِنْ بَعْدِهِ تَفَرُّقًا مَعْصُومًا وَلَا تَجْعَلْ فِينَا وَلَا مَعَنَا شَقِيًّا وَلَا مَحْرُومًا يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

Ya Allah, jadikanlah perhimpunan ini satu pertemuan yang dirahmati dan perpisahan kami pula selepas ini, satu perpisahan yang diberkati dan dilindungi.

{ رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ }

وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَالْحَمْدُ  
لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

## DOA HARI BELIA NEGARA

---

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ النَّصْرَ وَالْفَوْزَ لِلسَّالِكِينَ سُبُلَ الْهَدَايَةِ وَقَضَى  
بِالذَّلَّةِ وَالْهَوَانِ عَلَى مَنْ حَادَ عَنْ طَرِيقِ الْحَقِّ إِلَى الْغَوَايَةِ.  
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ  
أَجْمَعِينَ .

Ya Allah, Tuhan Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang. Kami menzahirkan kesyukuran kami, kerana dengan limpah kurniamu ya Allah, dapat kami berkumpul pada hari yang bersejarah ini, sempena majlis Perhimpunan Hari Belia Negara.

اللَّهُمَّ يَا رَحْمَنُ يَا رَحِيمُ

Pada hari ini, kami memohon kepada-Mu ya Allah, supaya Engkau kurniakan kepada kami jiwa yang mantap, iman yang teguh, khususnya dikalangan remaja dan belia kami. Peliharalah kami dari terlibat dalam apa jua unsur negatif yang boleh menjatuhkan maruah diri, keluarga, masyarakat dan negara.

اللَّهُمَّ يَا حَمِيدُ يَا مَجِيدُ

Jadikanlah kami golongan yang bijaksana, berwibawa dan berkemampuan, untuk membantu melahirkan masyarakat yang bersatu padu, serta, saling bekerjasama dalam menjalankan kerja-kerja harian kami. Tingkatkanlah kami dengan kemahiran dan penguasaan, dalam bidang pekerjaan yang diceburi, supaya hasil kerja kami, mencapai tahap kualiti yang diterima, di peringkat negara, mahupun antarabangsa.

اللَّهُمَّ يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ

Kami memohon kepadamu ya Allah, supaya perhimpunan pada kali ini akan dapat melahirkan pemimpin belia yang beramanah, bertanggungjawab, dan menjuruskan masyarakat kearah masyarakat yang Cemerlang, Gemilang dan Terbilang.

Sesungguhnya Engkaulah Tuhan Yang Maha Agong, Maha bijaksana, Pencipta sekalian Alam.

{ رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ }  
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ ءَالِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ  
رَبِّ الْعَالَمِينَ.

## DOA HARI PEKERJA

---

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِيْ جَعَلَ الدُّنْيَا دَارَ كَسْبٍ وَعَمَلٍ وَجَعَلَ الْآخِرَةَ دَارَ  
ثَوَابٍ وَعِقَابٍ وَّأَمَلٍ.

اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، الدَّاعِيِ اِلَى اللّٰهِ وَعَلَى اٰلِهِ  
وَصَحْبِهِ اَجْمَعِيْنَ.

Ya Allah ya Tuhan kami, dengan sifat-sifat keagungan serta kebesaran-Mu, pada hari yang penuh keberkatan ini, bersempena dengan Sambutan Hari Pekerja yang akan dirasmikan oleh (...), kami sekalian hamba-Mu ya Allah, merafak dengan penuh rendah diri agar Engkau curahkan nikmat yang berterusan kepada kami, kurniakanlah petunjuk kepada kami dalam mencapai keredaan-Mu ya Allah, jauhkanlah kami dari ujian mara bahaya, ampunilah dosa kesalahan kami, kukuhkanlah perpaduan serta muhibbah antara kami yang tinggal di dalam sebuah negara yang berbilang kaum ini.

اللَّهُمَّ يَسِّرْ لَنَا كُلَّ أَمْرٍ عَسِيرٍ وَاغْفِرْ لَنَا فِي الْآخِرَةِ وَالْأُولَى، اللَّهُمَّ يَا مُدَبِّرَ الْأَحْوَالِ وَيَا مُحَوِّلَ الْأَحْوَالِ حَوِّلْ أَحْوَالَنَا إِلَى أَحْسَنِ الْأَحْوَالِ.

Bersempena dengan sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan ini, kami memohon kepada-Mu ya Allah semoga sambutan pada kali ini mendapat keberkatan dan keredhaan-Mu.

Ya Allah ya Tuhan kami,

Tanamkanlah sifat-sifat terpuji, dalam diri kami, agar budaya kerja berkualiti menjadi amalan kami, dan supaya kami, sentiasa berusaha melakukan penambahbaikan, dalam kerja seharian demi kemajuan organisasi, masyarakat, agama dan negara. Engkau sematkanlah ke dalam diri kami ya Allah, rasa tanggungjawab atas setiap tugas yang diamanahkan kepada kami untuk dilaksanakan.

اللَّهُمَّ يَا حَنَّانُ يَا مَنَّانُ يَا بَدِيعَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ  
اللَّهُمَّ اجْعَلْ جَمْعَنَا هَذَا جَمْعًا مَرْحُومًا وَتَفَرُّقَنَا مِنْ بَعْدِهِ تَفَرُّقًا مَعْصُومًا  
وَلَا تَجْعَلْ فِيْنَا وَلَا مَعَنَا شَقِيًّا وَلَا مَحْرُومًا.

Ya Allah, jadikanlah perhimpunan pada hari ini satu perhimpunan yang dirahmati dan perpisahan kami selepas ini adalah satu perpisahan yang diberkati.

{ رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ }  
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَالْحَمْدُ  
لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.



## DOA HARI WANITA

---

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ حَمْدًا يُؤَافِي نِعْمَهُ وَيُكَافِي مَزِيدَهُ يَا رَبَّنَا لَكَ  
الْحَمْدُ كَمَا يَنْبَغِي لِجَلَالِ وَجْهِكَ الْكَرِيمِ وَعَظِيمِ سُلْطَانِكَ وَالصَّلَاةِ  
وَالسَّلَامِ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Ya! Allah, ya Tuhan kami, segala puji dan syukur hanya untuk-Mu di atas segala rahmat dan nikmat yang Engkau kurniakan kepada kami sempena sambutan Hari Wanita kali ini.

Ya! Allah, Tuhan Yang Maha Pengampun,

Dengan penuh khusyuk kami menadah tangan dan merendah diri bermohon keampunan dan rahmat dari-Mu. Sesungguhnya kami hanyalah hamba-Mu yang kerdil. Maka ampunilah segala kesalahan yang telah kami lakukan samada yang kami sedari atau yang tidak kami sedari. Kurniakan taufik dan hidayah kepada kami supaya jalan hidup kami sentiasa diberi petunjuk oleh-Mu di dunia dan ganjaran di akhirat.

Ya Allah, Tuhan Yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat,

dengarkanlan harapan dan pengaduan kami ini. Mustajabkanlah permohonan kami agar Engkau mengurniakan kesejahteraan dan kesihatan kepada para

wanita yang menjadi tiang negara kami. Semoga Engkau mengurniakan kekuatan kepada mereka untuk terus menjalankan tanggungjawab dan memainkan peranan yang proaktif dalam arus perdana.

Ya Allah, Tuhan Yang Maha Memelihara seluruh alam, Peliharalah dan lindungilah juga pemimpin-pemimpin kami dan rakyat jelata amnya. Hindarkanlah kami daripada segala mara bahaya, keburukan dan kejahatan yang datang dari pengkhianatan manusia mahupun syaitan dan hawa nafsu. Engkau peliharalah maruah mereka dan lindungilah kami dengan penuh rahmat di bawah jagaan-Mu yang sempurna, penuh rahmah daripada anasir di mana sahaja kami berada.

Ya! Allah, Tuhan Yang bersifat dengan sifat Ihsan dan Lemah-lembut, Jadikanlah wanita sebagai mempunyai darjat yang tinggi serta hiasilah mereka dengan kebijaksanaan, binakanlah benteng ketaqwaan dan keimanan yang teguh kepada wanita-wanita kami daripada perkara yang memudharatkan diri, keluarga, agama, bangsa dan negara.

Ya Allah, Tuhan Yang Maha Tinggi lagi Berkuasa, Kurniakanlah taufiq dan hidayah kepada wanita-wanita kami agar mendapat kejayaan dan kecemerlangan di dunia dan akhirat. Berkatilah usaha dan sumbangan kebaikan mereka di dunia. Berikanlah kekuatan kepada mereka untuk mencapai kejayaan dan kemajuan diri. Anugerahkanlah kepada mereka kualiti kehidupan yang lebih baik dari hari-hari sebelumnya. Tinggikanlah darjat mereka di sisi-Mu yang memiliki hati yang putih bersih dengan keikhlasan berbakti untuk agama, bangsa dan negara.

{ رَبَّنَا ءَاتِنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً وَهَيِّءْ لَنَا مِنْ أَمْرِنَا رَشَدًا } { رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ }

وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ عَالِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ  
رَبِّ الْعَالَمِينَ.

## DOA HARI KANAK-KANAK

---

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي يُمْنُ عَلَى مَنْ يَشَاءُ بِالْأَوْلَادِ وَيَجْعَلُهُمْ فِتْنَةً يَتَبَيَّنُ بِهَا  
الشَّاكِرَ الَّذِي يَقُومُ بِحَقِّهِمْ وَيَصُونُهُمْ عَنِ الْفَسَادِ.  
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى  
عَالِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Ya Allah, Tuhan Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang. Kami menadah tangan menzahirkan kesyukuran kami, kerana dengan limpah kurnia-Mu ya Allah, dapat kami berkumpul pada hari yang bersejarah ini, sempena Hari Kanak-Kanak yang disambut pada (...).

اللَّهُمَّ يَا رَحْمَنُ يَا رَحِيمُ

Wahai tuhan kami, permudahkanlah dalam setiap pekerjaan kami dan teguhkanlah pendirian kami dalam pelbagai situasi yang kami tempuhi. Ya Allah! Lindungilah negara kami yang tercinta ini, dari segala mara bahaya, agar kami dapat hidup dalam aman merdeka, untuk kami terus menjulang tinggi agama Engkau ya Allah. Dan hidupakanlah kami dalam lembayung keredhaan dan

kerahmatan Engkau. Jadikanlah kami di kalangan mereka yang benar-benar mengharapkan pertolongan Engkau.

{ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا }

Ya Allah! Ya Tuhan Kami, berikanlah kami, isteri dan zuriat keturunan kami, perkara-perkara yang menyukakan hati melihatnya, dan jadikanlah kami imam ikutan bagi orang-orang yang bertaqwa.

يَا ذَا الْقُوَّةِ الْمَتِينِ

Ya Allah, jadikanlah anak-anak kami, anak-anak yang pintar dan bertaqwa, yang menjadi harapan untuk memimpin negara pada masa hadapan, serta golongankanlah mereka dikalangan orang-orang yang soleh dan solehah.

{ رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ }  
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ ءَالِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ  
رَبِّ الْعَالَمِينَ.

## DOA HARI ALAM SEKITAR

---

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْبَصِيرِ لِعِبَادِهِ الْحَكِيمِ فِي صُنْعِهِ الْعَظِيمِ بِتَدْوِينِهِ الْقَدِيرِ  
الْمُقْتَدِرِ الْعَزِيزِ الْجَبَّارِ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، الَّذِي  
أَرْشَدَنَا إِلَى التَّفَكُّرِ فِي خَلْقِ اللَّهِ لِنَزِدَّادَ إِيمَانًا إِلَى إِيمَانِنَا وَعَلَى ءَالِهِ  
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ

Kami merafakkan kesyukuran kehadiran-Mu di atas keizinan dan limpah kurnia-Mu, maka dapatlah kami berkumpul dan menjayakan Majlis Perasmian Hari Alam Sekitar, semoga majlis yang mulia ini dianugerahkan keberkatan, kesejahteraan, kekuatan, hidayah dan kesihatan yang berkekalan agar kami dapat terus menghirup udara dimukabumi-Mu yang nyaman lagi damai ini.

اللَّهُمَّ يَا رَحْمَنُ يَا رَحِيمُ

Sempena Hari Alam Sekitar pada kali ini kami memohon agar Engkau semaikanlah di dalam jiwa kami sekalian dengan semangat cintakan kepada keceriaan dan prihatin terhadap isu-isu alam sekitar. Jauhkanlah kami dari sebarang sifat tamak dan haloba dalam mengejar kepentingan dunia tanpa mengambilkira kemusnahan alam sekitar. Hindarkanlah kami dan seluruh warga negara ini dari sifat tidak bertanggungjawab dalam menjaga keceriaan persekitaran kami. Harapan kami, agar Sambutan Hari Alam Sekitar ini akan membangkitkan kesedaran kami, memperbaiki akhlak dan sikap tanggungjawab kami dalam usaha menjadikan negara ini bersih dan sentiasa ceria.

يَا مَالِكَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ

Ya Allah, tanamkanlah ke dalam jiwa kami dan anak-anak generasi kami sifat menghargai alam sekitar. Berikanlah kami kekuatan untuk mendidik dan memberi kesedaran kepada mereka supaya anugerah-Mu yang tidak ternilai ini sentiasa terjaga dan terpelihara. Kurniakanlah kami ilham dan pemikiran yang bernas agar masalah-masalah alam sekitar yang dihadapi dapat diatasi dengan cara yang terbaik.

{ رَبَّنَا ءَاتِنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً وَهِيَ لَنَا مِنْ أَمْرِنَا رَشْدًا } { رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي  
الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ } وَصَلَّى اللهُ عَلَيَّ  
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ ءَالِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

## DOA HARI PELADANG PENTERNAK DAN NELAYAN

---

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَيَّأَ لِعِبَادِهِ أَسْبَابَ الْأَرْزَاقِ وَيَسَّرَ سُبُلَهَا وَجَعَلَ  
مَفَاتِيحَهَا الْعَمَلَ وَالْإِنِّطْلَاقَ.  
وَالصَّلَاةَ وَالسَّلَامَ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ  
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِنْعَامِ

Kami bersyukur kehadiran-Mu ya Allah, kerana dengan limpah rahmat dan inayah-Mu, kami rakyat Malaysia dapat menikmati suasana kedamaian dan kebebasan dengan sepenuhnya berbanding dengan negara-negara lain yang inginkan kebahagiaan dan kemakmuran seperti ini. Oleh itu, kami menzahirkan kesyukuran di atas limpah kurnia-Mu dapat kami berkumpul pada hari yang bersejarah ini sempena Hari Peladang Penternak dan Nelayan.

اللَّهُمَّ يَا مَالِكَ الْمُلْكِ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ

Ya Allah, tunjukkanlah kami ke arah kebaikan dan pertingkatkanlah iman kami serta limpahkanlah kemakmuran dan kebahagiaan kepada negara kami bagi

mencapai kejayaan dalam segala urusan. Kurniakanlah semangat rajin bekerja, ketekunan dan kesabaran yang tinggi kepada kami supaya dapat kami berganding bahu membina negara agar terus aman dan makmur. Bukakanlah pintu hati kami dengan kebijaksanaan, ilmu pengetahuan dan hikmah dari-Mu. Justeru itu, janganlah Engkau membiarkan kami mengendalikan urusan kami bersendirian tanpa hidayah-Mu, walau sekecil manapun urusan itu.

اللَّهُمَّ يَا حَفِيزُ يَا فَعَّالُ مَا يُرِيدُ

Ya Allah, kami memohon dari sifat ihsan-Mu, agar dikurniakan kepada kami nikmat kestabilan, kesejahteraan dan keselamatan. Lindungilah kami dari segala keburukan, keaiban, kemungkaran dan kemaksiatan. Permudahkanlah kami dalam melaksanakan program ini. Kami memohon keberkatan dan keredaan-Mu, agar segala usaha yang dijalankan ini dapat dimanfaatkan oleh seluruh warga Malaysia khususnya dan negara amnya.

Ya Allah, sesungguhnya amat banyak pertolongan-Mu yang telah Engkau kurniakan kepada kami, dengan pertolongan-Mu jualah, dapatlah kami mengatur serta berkumpul sebegini, dengan harapan semoga dapat merapatkan lagi hubungan dan jalinan mesra di antara kami di negara yang tercinta ini. Mudah-mudahan kesatuan mutlak dapat ditegakkan dan mahabbah serta ukhuwwah dapat dieratkan.

اللَّهُمَّ يَا اللَّهُ يَا رَحْمَنُ يَا رَحِيمُ

Berkat keagungan-Mu dan sifat Rahim-Mu, kami memohon agar peliharakanlah



negara kami dari malapetaka dan mara bahaya sama ada dari lautan, daratan dan udara. Jauhilah kami dari segala keburukan yang akan menimpa sama ada berupa peringatan mahupun ujian yang tidak dapat diduga. Jika ia berupa ujian, maka kurniakanlah kepada kami ketabahan dan kesabaran. Jika berupa peringatan maka ampunilah kami sebelum ia mendatang.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ جَمْعَنَا هَذَا جَمْعًا مَرْحُومًا وَتَفَرُّقَنَا مِنْ بَعْدِهِ تَفَرُّقًا مَعْصُومًا  
وَلَا تَجْعَلْ فِيْنَا وَلَا مَعَنَا شَقِيًّا وَلَا مَحْرُومًا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah, jadikanlah perhimpunan ini satu pertemuan yang dirahmati dan perpisahan kami pula selepas ini satu perpisahan yang diberkati dan dilindungi.

{ رَبَّنَا ءَاتْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ }  
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ  
رَبِّ الْعَالَمِينَ.

## DOA HARI KESIHATAN SEDUNIA

---

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ فَلَاحَ الْأُمَّةِ بِطَهَارَةِ قُلُوبِهَا وَنَجَاحَهَا بِنِظَافَةِ  
أَبْدَانِهَا مِنْ أَدْرَانِهَا.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّيِّبِينَ  
الطَّاهِرِينَ.

يَا اللَّهُ يَا رَحْمَنُ يَا رَحِيمُ

Di majlis yang mulia ini, kami merafa'kan rasa kesyukuran kepada-Mu ya Allah, Tuhan Pencipta alam ,Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, atas segala nikmat yang Engkau kurniakan kepada kami, dapat kami berkumpul di sini untuk menjayakan Majlis Sambutan Hari Kesihatan Sedunia Tahun (...).

Kami memohon pada-Mu ya Allah, semoga segala usaha murni ini akan dapat mempertingkatkan lagi semangat cintakan tanahair ini agar kami semua, menjadi warga yang sihat sejahtera dan mendapat rahmat dari-Mu sepanjang masa.

يَا اللَّهُ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ

Kami memohon kepada-Mu ya Allah, peliharalah serta lindungilah hamba-Mu raja kami Seri Paduka Baginda Yang diPertuan Agong (...) dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong (...). Lanjutkanlah usia baginda berdua dalam keadaan sihat dan sejahtera, kuat iman dan teguh pegangan, serta dilimpah rahmat dan keberkatan.

اللَّهُمَّ يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِنْعَامِ

Dengan rahmat-Mu ya Allah, Engkau anugerahkanlah kesejahteraan serta kesihatan yang berkekalan ke atas para pemimpin dan seluruh rakyat negara ini agar kami dapat hidup dalam suasana yang aman damai dan mampu melaksanakan segala kewajipan yang diamanahkan kepada kami dengan sempurna. Mudah-mudahan majlis yang diadakan ini akan mendatangkan keberkatan kepada kami, demi menyedarkan kami sekalian tentang betapa pentingnya menjaga kesihatan di samping mengukuhkan semangat perpaduan dan silaturrahim yang berkekalan di jiwa kami.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ الصَّحَّةَ وَالْعَافِيَةَ وَحُسْنَ الْخُلُقِ  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْهَمِّ وَالْحَزَنِ وَنَعُوذُ بِكَ مِنَ الْعَجْزِ وَالْكَسَلِ  
وَنَعُوذُ بِكَ مِنَ الْجُبْنِ وَالْبُخْلِ وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ غَلَبَةِ الدَّيْنِ وَقَهْرِ الرِّجَالِ  
{ رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ } { وَتُبْ عَلَيْنَا إِنَّكَ أَنْتَ  
التَّوَّابُ الرَّحِيمُ } { رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا  
عَذَابَ النَّارِ } وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

## DOA MAJLIS KHIDMAT BAKTI KETUA SETIAUSAHA NEGARA

---

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي دَعَانَا إِلَىٰ فَسِيحِ الْأَمَلِ وَحَثَّنَا عَلَىٰ حُسْنِ الْعَمَلِ  
وَحَذَّرَنَا مِنَ التَّوَاكُلِ وَالتَّوَانِي وَالْكَسَلِ . وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ .

يَا اللَّهُ يَا مَالِكُ يَا قُدُّوسُ

Engkaulah yang memiliki kuasa pemerintahan dan Engkaulah yang memuliakan  
sesiapa yang dikehendaki .

Kami bersyukur kehadiran-Mu ya Allah di atas limpah kurnia-Mu kami dapat  
berhimpun pada malam ini di Majlis Khidmat Bakti oleh Y. Bhg. Ketua  
Setiausaha Negara bagi meraikan Pegawai-Pegawai Kanan Perkhidmatan  
Awam Persekutuan yang bersara dan Penyampaian Surat-Surat Perlantikan  
Ketua Setiausaha, Kementerian/Jabatan/Agensi.

يَا اللَّهُ يَا كَرِيمُ

Di malam yang mulia ini, di saat perpisahan yang mengharukan, kami menadah  
tangan memohon doa restu dari-Mu agar khidmat bakti kami yang telah lalu dan  
akan datang dijadikan perkhidmatan yang diredhai. Pertuturan kami, pertuturan  
yang disenangi , pendengaran kami, pendengaran yang direstui, penglihatan  
kami, penglihatan yang diberkati, amalan kami amalan yang dirahmati,  
pengorbanan kami pengorbanan yang disyukuri dan jasa kami jasa yang diingati.

يَا اللَّهُ يَا شَكُورُ

Kami memohon kepada-Mu agar khidmat bakti kami ini sentiasa diberi petunjuk dan hidayah dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan. Bukakanlah pintu hati kami untuk menjadi manusia yang paling sempurna, manusia yang berjiwa waja, sentiasa sanggup menghadapi rintangan dan cabaran demi menjana dan memartabatkan agama, bangsa dan negara Malaysia yang tercinta.

يَا اللَّهُ يَا رَحْمَنُ

Kekalkanlah kesejahteraan negara kami ini untuk generasi hari ini dan akan datang. Kurniakanlah kepada kami dan Penjawat Awam keseluruhannya kekuatan, semangat waja, keberanian dan kesabaran yang unggul demi menjana dan memartabatkan Pentadbiran Awam agar menjadi lebih cemerlang, gemilang dan terbilang.

يَا اللَّهُ يَا رَشِيدُ

Jadikanlah khidmat bakti kami ini perkhidmatan yang dicontohi dan disegani, eratkanlah kasih sayang di kalangan kami, limpahkanlah cahaya petunjuk untuk kami terus melaksanakan tanggungjawab dengan adil demi kesejahteraan masyarakat dan negara.

يَا اللَّهُ يَا رَحِيمُ

Selamatkanlah kami dan negara kami dari segala wabak penyakit dan bencana. Hindarkanlah kami dari segala keburukan dan mara bahaya. Lindungilah kami dari segala bentuk kemungkar. Berikanlah kami kekuatan agar khidmat bakti kami lebih dihormati di persada antarabangsa dan bertaraf dunia.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ جَمْعَنَا هَذَا جَمْعًا مَرْحُومًا وَتَفَرُّقَنَا مِنْ بَعْدِهِ تَفَرُّقًا مَعْصُومًا  
وَلَا تَجْعَلْ فِيْنَا وَلَا مَعَنَا شَقِيًّا وَلَا مَطْرُودًا وَلَا مَحْرُومًا.

Ya Allah, jadikanlah perhimpunan kami ini sebagai satu perhimpunan yang dirahmati dan perpisahkan kami pula selepas ini sebagai satu perpisahan yang diberkati dan dilindungi. Dan janganlah Engkau jadikan pada diri kami ini, dan mereka yang bersama kami, kebinasaan, dan menyingkirkan kami dari memperoleh rahmat.

{ رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ }  
وَأَدْخِلْنَا الْجَنَّةَ مَعَ الْأَبْرَارِ يَا عَزِيزُ يَا غَفَّارُ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ وَصَلَّى  
اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ  
الْعَالَمِينَ.

## DOA MAJLIS ISTIADAT PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN

---

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْعَمَ عَلَيْنَا بِنِعَمِهِ الظَّاهِرَةِ وَالْبَاطِنَةِ، لَأُنْحِصِي ثَنَاءً عَلَيْهِ،  
هُوَ كَمَا أَتَنَّى عَلَى نَفْسِهِ.

وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى  
عَالِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ يَا مَالِكَ الْمُلْكِ

Ya Allah, Engkaulah yang memiliki kuasa pemerintahan, yang mengatasi segala kekuasaan, Maha Suci Engkau ya Allah daripada segala sifat-sifat kekurangan dan kelemahan, Engkaulah ya Allah yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki dan menghina sesiapa yang Engkau kehendaki, kami pohonkan ya Allah, muliakanlah hidup kami dengan sifat-sifat yang terpuji, hiasilah diri kami dengan akhlak kesopanan yang tinggi, tanamkanlah ke dalam jiwa kami rasa rendah diri terhadap keagungan-Mu ya Allah, agar hidup kami lebih diredhai dan diberkati.

اللَّهُمَّ يَا دَائِمَ الْإِحْسَانِ

Ya Allah, rahmat-Mu kami pohonkan, kasih-sayang-Mu kami harapkan, jadikanlah hidup kami di dunia mendapat keberkatan, di akhirat mendapat keredhaan.

اللَّهُمَّ يَا بَاسِطَ الْيَدَيْنِ بِالْعَطِيَّةِ

Engkau tambahkan lagi kejujuran dan keikhlasan kepada kami semua, Engkau berkatilah majlis penganugerahan darjah kebesaran ini, Engkau tambahkan lagi keazaman dalam diri mereka untuk terus menabur bakti dan jasa kepada agama, bangsa dan negara.

اللَّهُمَّ يَا رَحْمَنُ يَا رَحِيمُ

Peliharakanlah serta lindungilah dengan sepenuh riayah dan pemeliharaan ke atas kedua-dua hamba-Mu raja kami Seri Paduka Baginda Yang diPertuan Agong (...) dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong (...) agar sentiasa dalam sihat sejahtera, aman bahagia selamanya.

{ رَبَّنَا عَلَيْكَ تَوَكَّلْنَا وَإِلَيْكَ أَنَبْنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ } { رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ } وَصَلَّى اللهُ وَسَلَّمَ عَلَي سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ ءَالِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.



## DOA SELAMAT

### DOA SELAMAT I

---

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي وَفَّقَنَا لَطَاعَتَهُ وَهَدَانَا لِعِبَادَتِهِ وَخَصَّنَا بِرِسَالَةِ حَبِيبِهِ  
وَرَسُولِهِ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ صَلَاةً وَسَلَامًا دَائِمِينَ مُتَلَازِمِينَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ

Segala kepujian dan kesyukuran dipersembahkan ke hadhrat-Mu ya Allah di atas limpah rahmah perlindungan kepada kami sekalian dengan aman tenteram, sihat wal'afiat dan selamat sejahtera. Kami memohon kepada-Mu ya Allah semoga diperkukuhkan perpaduan, dipereratkan persaudaraan dan diperkuatkan keazaman, hasrat dan cita-cita agar sentiasa mendapat keredhaan-Mu ya Allah.

اللَّهُمَّ يَا ذَا الْمَنِّ وَالْإِحْسَانِ

Kami juga memohon kasih sayang-Mu ya Allah agar jiwa dan kehidupan kami berada dalam aman di dunia agar kami dapat mengimarahkan bumi sepertimana yang Engkau perintahkan, maka daripada Engkaulah sahaja ya

Allah kami memohon bantuan dan pertolongan.

اللَّهُمَّ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ

Kami dengan segala rendah diri memohon agar Engkau kurniakan kami dan hamba-hamba-Mu sekalian dengan taufik dan hidayah, sentiasa di bawah pimpinan dan petunjuk-Mu ya Allah, mudah-mudahan segala usaha dan amal yang kami tunaikan akan mendapat sepenuh kejayaan dalam keredhaan dan restu-Mu di sepanjang zaman.

اللَّهُمَّ يَا مَالِكَ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ

Berkatilah negara Malaysia ini dan rahmatilah di bawah perlindungan-Mu sekalian yang bersangkutan dengannya semoga mendapat petunjuk dari-Mu ke jalan yang Engkau redhai serta dengan penuh kehormatan dan kesucian, di samping meninggikan syiar-Mu dalam semua bidang.

اللَّهُمَّ يَا مَالِكَ يَوْمِ الدِّينِ

Peliharakanlah kami dan negara kami daripada segala bala bencana.

Jauhkanlah kami sekalian daripada segala ancaman dan pengkhianatan.

Bersihkanlah negara kami dari segala anasir jahat.

Pandulah kami semua ke jalan yang benar, adil dan saksama dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan.

Kekalkanlah ya Allah kebenaran, keadilan, perpaduan, ketenteraman dan kemakmuran dalam negara bertuah ini .

اللَّهُمَّ بِكَ نَسْتَعِينُ وَعَلَيْكَ نَتَوَكَّلُ وَأَنْتَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ، إِرْحَمْنَا  
يَا رَبَّنَا فَإِنَّكَ أَنْتَ أَرْحَمُ الرَّاحِمِينَ. وَصَلَّى اللَّهُمَّ وَسَلَّم عَلَى خَيْرِ خَلْقِهِ  
مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ ءَالِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

## DOA SELAMAT II

---

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ حَمْدًا يُؤَافِي نِعْمَهُ وَيُكَافِيهِ مَزِيدُهُ يَا رَبَّنَا لَكَ  
الْحَمْدُ كَمَا يَنْبَغِي لِجَلَالِ وَجْهِكَ الْكَرِيمِ وَعَظِيمِ سُلْطَانِكَ اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَاةً تُنْجِنَا بِهَا مِنْ جَمِيعِ الْأَهْوَالِ  
وَالْآفَاتِ وَتَقْضِي لَنَا بِهَا جَمِيعَ الْحَاجَاتِ وَتُطَهِّرُنَا بِهَا مِنْ جَمِيعِ  
السَّيِّئَاتِ وَتَرْفَعُنَا بِهَا عِنْدَكَ أَعْلَى الدَّرَجَاتِ وَتُبَلِّغُنَا بِهَا أَقْصَى  
الْغَايَاتِ مِنْ جَمِيعِ الْخَيْرَاتِ فِي الْحَيَاةِ وَبَعْدَ الْمَمَاتِ وَعَلَى ءَالِهِ  
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Ya Allah , ya Tuhan kami, yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, kami berhimpun pada hari ini berdoa memohon rahmat dan hidayah dari-Mu.

Semoga dengan rahmat itu ,

Engkau berikan petunjuk kepada kami, Engkau perkukuhkan perpaduan kami,  
Engkau memperbaiki urusan Agama dan dunia kami.

Ya Allah, ya Tuhan kami yang memiliki segala kekuasaan dan kemuliaan, kurniakanlah taufik dan hidayah-Mu kepada kami, restuilah perancangan kami, bimbinglah kami dengan petunjuk-Mu yang berterusan. Pimpinlah kami sekalian ke jalan yang lurus dan benar yang membawa kepada ketenteraman dan kesejahteraan. Hindarkanlah kami sekalian dari segala mala petaka dan sifat-sifat yang keji.

Selamatkanlah kami sekalian dari perselisihan yang boleh membawa perpecahan dan kebinasaan . Anugerahkanlah kepada kami kekuatan dan keupayaan untuk merangka strategi dan dasar negara bagi mencapai kecemerlangan dan kesejahteraan serta matlamat wawasan sebagaimana yang kami cita-citakan.

اللَّهُمَّ يَا ذَا الْجُودِ وَالْكَرَمِ

Ya Allah, ya Tuhan kami, kami pohonkan limpah rahmat, taufik dan hidayah bagi pemimpin-pemimpin dan seluruh rakyat negara yang tercinta. Mantapkanlah semangat dan keazaman mereka dengan penuh kesabaran dan bertawakkal kepada-Mu dalam memikul tanggungjawab memajukan negara supaya disanjung tinggi, bertaraf dunia dan disegani, di bawah ri'ayah-Mu dan naungan-Mu.

{ رَبَّنَا ظَلَمْنَا أَنْفُسَنَا وَإِن لَّمْ تَغْفِرْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ }  
{ رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ }  
وَأَدْخِلْنَا الْجَنَّةَ مَعَ الْأَبْرَارِ يَا عَزِيزُ يَا غَفَّارُ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ وَصَلَّى اللَّهُ  
وَسَلَّمَ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ  
رَبِّ الْعَالَمِينَ.

## DOA SELAMAT III

---

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَوْضَحَ لَنَا سَبِيلَ الْهُدَى وَالرَّشَادِ وَجَعَلَ فِي اتِّبَاعِهِ  
السَّلَامَةَ مِنَ الْآفَاتِ وَالْمُهْلِكَاتِ.  
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، الْمَبْعُوثِ إِلَيْنَا، خَيْرِ خَلِيفَةِ اللَّهِ فِي  
أَرْضِهِ وَأَحْسَنِ أَسْوَةِ لَنَا نَقْتَدِي بِهِ وَعَلَى ءَالِهِ الطَّاهِرِينَ وَأَصْحَابِهِ  
الْمُجَاهِدِينَ الْمُخْلِصِينَ وَمَنْ اهْتَدَى بِهِدْيِهِمْ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ يَا عَلِيمُ يَا حَكِيمُ

Ya Allah ya Tuhan kami , kami bersyukur tidak terhingga atas limpah kurnia-Mu dan memohon keberkatan yang berterusan dalam setiap perancangan dan seterusnya mengambil keputusan sebagai panduan dalam mentadbirkan urusan negara kami Malaysia yang tercinta ini dengan kemas dan teratur. Semoga segala nikmat di bumi yang bertuah ini kami berjaya manfaatkannya sebagai meningkat dan memantapkan ekonomi negara kami.

اللَّهُمَّ يَا قَدِيرُ يَا قَوِيُّ يَا مُهَيِّمُ

Ya Allah, ya Tuhan kami, kami memohon peliharakanlah hamba-hamba-Mu dalam sihat wal'afiat dan aman sentosa sepanjang hayat.

اللَّهُمَّ يَا ذَا الْجُودِ وَالْكَرَمِ

Ya Allah, kami memohon limpah kurnia taufiq dan hidayah agar para pemimpin c segenap lapisan dan peringkat, pegawai-pegawai dalam semua tingkata Persekutuan dan Negeri, serta seluruh rakyat Malaysia, seia sekata bergandin bahu melaksanakan tanggungjawab dengan ikhlas dan penuh semanga berkerjasama bermuafakat untuk memaju dan memakmurkan Negara da mempertahankan kesucian agama kami, membimbing rakyat kearah mencapa wawasan negara.

{ رَبَّنَا ءَاتْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ }  
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ  
رَبِّ الْعَالَمِينَ.

## DOA SELAMAT IV

---

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَمَرَنَا بِالشُّورَى تَكْرِيماً لِلْعُقُوبِ وَتَأْلِيفاً لِلْقُلُوبِ  
وَتَقْدِيرًا لِحُرِّيَّةِ الرَّأْيِ وَحِفْظًا لِلْأُمُورِ مِنَ الْخَطَا وَالزَّلَلِ.  
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِ الْأَنْبِيَاءِ وَإِمَامِ الْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ  
أَجْمَعِينَ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ يَا رَبَّ الْكَائِنَاتِ وَقَاضِيَ الْحَاجَاتِ

Ya Allah kami memohon agar pertemuan mesyuarat ini dianugerahkan hidayah dan taufik agar urusan harian kami berjalan dengan lancar, beroleh kejayaan dan keberkatan.

Ya Allah, kami dipertanggungjawabkan dengan amanah yang berat, maka anugerahkanlah kepada kami keupayaan dan kemampuan untuk melaksanakan amanah dan tanggungjawab tersebut.

اللَّهُمَّ يَا اللَّهُ

Jadikanlah majlis ini sentiasa mendapat pertunjuk ke jalan yang diredhai serta hindarkanlah hati-hati kami dari sifat-sifat buruk yang boleh merosakkan keharmonian dan perpaduan.



اللَّهُمَّ يَا وَاسِعَ الْمَغْفِرَةِ وَيَا مُنْزِلَ الْبَرَكَاتِ وَالرَّحْمَةِ

Selamatkanlah kami dan jadikanlah zaman ini zaman yang bertambah-tambah aman dan tenteram semoga negara kami terus maju lagi makmur dan rakyat dapat hidup bersatu, bantu-membantu di antara satu sama lain demi kesejahteraan bersama.

اللَّهُمَّ حَسِّنْ حَالَتَنَا السِّيَاسِيَّةَ وَالْإِقْتِصَادِيَّةَ وَالْإِجْتِمَاعِيَّةَ إِلَى أَحْسَنِ حَالٍ  
إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.  
اللَّهُمَّ ءَامِنَّا فِي وَطَنِنَا وَأَصْلِحْ أَحْوَالَنَا وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِنَا وَوَلَاةَ أُمُورِنَا  
وَخُذْ بِأَيْدِينَا وَبِأَيْدِيهِمْ إِلَى مَا فِيهِ خَيْرُنَا وَخَيْرُ وَطَنِنَا وَاهْدِنَا سُبُلَ السَّلَامِ  
وَصَلِّ عَلَى اللَّهِ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

## DOA SELAMAT V

---

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ حَمْدًا يُؤَافِي نِعْمَهُ وَيُكَافِيهِ مَزِيدُهُ يَا رَبَّنَا لَكَ  
الْحَمْدُ كَمَا يَنْبَغِي لِجَلَالِ وَجْهِكَ وَعَظِيمِ سُلْطَانِكَ اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ  
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَاةً تُنْجِينَا بِهَا مِنْ جَمِيعِ الْأَهْوَالِ وَالْآفَاتِ  
وَتَقْضِي لَنَا بِهَا جَمِيعَ الْحَاجَاتِ وَتُطَهِّرُنَا بِهَا مِنْ جَمِيعِ السَّيِّئَاتِ  
وَتَرْفَعُنَا بِهَا عِنْدَكَ أَعْلَى الدَّرَجَاتِ وَتُبَلِّغُنَا بِهَا أَقْصَى الْعَايَاتِ مِنْ  
جَمِيعِ الْخَيْرَاتِ فِي الْحَيَاةِ وَبَعْدَ الْمَمَاتِ.

Ya Allah ya Tuhan kami, Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, kami berhimpun di majlis yang mulia dan bersejarah ini memohon rahmat dan hidayah dari sisi-Mu.

Semoga dengan rahmat itu,

Engkau berikan hidayah dan petunjuk dan menyatukan pemikiran kami, Engkau perkukuhkan perpaduan kami, Engkau hindarkan fitnah dan pertelingkahan di kalangan kami, Engkau memperbaiki urusan agama dan dunia kami.

اللَّهُمَّ يَا مُهَيِّمِنُ يَا رَقِيبُ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ

Ya Allah, kami memohon taufiq dan hidayah-Mu dalam setiap perkara dan restuilah perancangan dan pembangunan yang disusun dan diatur oleh kami

dalam usaha memajukan negara kami. Bimbinglah para pemimpin kami yang memikul amanah dan tanggungjawab dalam pentadbiran negara kami dengan sinaran petunjuk-Mu yang berterusan. Pimpinlah kami sekalian ke jalan yang lurus dan benar yang membawa kepada ketenteraman dan kesejahteraan. Hindarkanlah kami sekalian dari segala malapetaka dan sifat-sifat keji, hasad-dengki, boros, dan semua sifat negatif. Ya Allah selamatkanlah kami sekalian dari perselisihan yang boleh membawa perpecahan dan kebinasaan. Anugerahkanlah kepada kami kekuatan dan keupayaan untuk merangka strategi dan dasar negara bagi mencapai kecemerlangan dan kesejahteraan serta matlamat wawasan sebagaimana yang kami cita-citakan.

اللَّهُمَّ يَا ذَا الْجُودِ وَالْكَرَمِ

Kami pohonkan limpah rahmat, taufiq dan hidayat bagi pemimpin kami di segenap lapisan dan seluruh rakyat negara yang tercinta. Mantapkanlah semangat dan keazaman mereka dengan penuh kesabaran dan bertawakkal kepada-Mu dalam memikul tanggungjawab memajukan negara dan agama supaya disanjung tinggi dan disegani.

{ رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ }  
وَأَدْخِلْنَا الْجَنَّةَ مَعَ الْأَبْرَارِ يَا عَزِيزُ يَا غَفَّارُ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ وَصَلَّى اللَّهُ  
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ  
الْعَالَمِينَ.

## DOA SELAMAT VI

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى  
آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْتَحْفَظُكَ وَنَسْتَدْعُكَ دِينَنَا وَإِيمَانَنَا وَأَنْفُسَنَا وَأَمْوَالَنَا  
وَأَوْلَادَنَا وَكُلَّ شَيْءٍ أَعْطَيْتَنَا اللَّهُمَّ اجْعَلْنَا وَإِيَّاهُمْ فِي كَنْفِكَ وَأَمَانِكَ  
وَجِوَارِكَ وَعِيَاذِكَ مِنْ كُلِّ شَيْطَانٍ مَرِيدٍ وَجَبَّارٍ عَنِيدٍ وَذِي عَيْنٍ وَذِي  
بَغْيٍ وَشَرِّ كُلِّ ذِي شَرٍّ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, kami pohon perlindungan dari-Mu dari segala hasutan syaitan mahu pun kejahatan insan, kami pohon keselamatan dan kesejahteraan agar hidup dalam aman dan tenteram, selamatkanlah kami dari segala keburukan, jauhkanlah kami dari segala bala, wabak mahu pun penyakit yang menyusahkan.

اللَّهُمَّ يَا مُتَوَلِّي السَّرَائِرِ

Ya Tuhan kami, Engkaulah yang maha mengetahui apa yang tersirat dalam hati dan sanubari kami, Engkaulah yang lebih mengetahui hajat dan tujuan kami

pada saat ini, kami mengakui dengan penuh kesedaran dan keinsafan tentang kebesaran dan kekuasaan-Mu ya Allah. Lantaran itu kami menadahkan tangan di samping memohon keselamatan dan kesejahteraan yang berterusan, kami juga ingin melahirkan kesyukuran yang tidak terhingga atas nikmat keselamatan dan kesejahteraan yang telah Engkau kurniakan.

اللَّهُمَّ يَا دَائِمَ الْإِحْسَانِ

Ya Allah, Engkaulah yang lebih mengetahui tentang hati dan perasaan kami, kami yakin bahawa hanya kudrat dan iradat-Mu sahaja yang dapat menyelamatkan kami dari segala rupa bentuk keburukan mahu pun bala bencana, hanya kekuasaan-Mu jua yang telah menyelamatkan kami dari segala maksiat mahu pun wabak yang sedang melanda kami.

Ya Allah, kemurahan-Mu kami pohonkan, ihsan-Mu kami harapkan, Rahman dan Rahim-Mu kami pinta, semoga kami sentiasa dilindungi dan dinaungi dengan sepenuh riayah dan pemeliharaan-Mu, kami akui bahawa kami sentiasa terdedah kepada bahaya dan keburukan, lebih-lebih lagi manusia yang mempunyai hasad dengki di atas sedikit kelebihan yang dikurniakan kepada kami, justeru itu, kami pohonkan ya Allah, Engkau peliharakanlah serta hindarkanlah kami daripada segala bahaya dan keburukan itu.

اللَّهُمَّ يَا اللَّهُ

Sekiranya keburukan telah Engkau qadha ke atas kami, sekiranya kecelakaan telah Engkau tetapkan akan menimpa kami, maka dengan Rahman dan Rahim-Mu ya Allah kami pohonkan, hindarkanlah kami dari segala keburukan dan kecelakaan itu, agar dapat kami hidup lebih bererti dan lebih bermakna.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ الْعَفْوَ وَالْعَافِيَةَ فِي الدِّينِ وَالدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ اللَّهُمَّ ادْفَعْ  
عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ لَا كَاشِفَ وَلَا دَافِعَ لَهُ غَيْرُكَ.

اللَّهُمَّ أَحْسِنْ عَاقِبَتَنَا فِي الْأُمُورِ كُلِّهَا وَاجْعَلْ حَيَاتَنَا حَيَاةً طَيِّبَةً ءَامِنَةً  
مُطْمَئِنَّةً { رَبَّنَا عَلَيْكَ تَوَكَّلْنَا وَإِلَيْكَ أَنَبْنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ } { رَبَّنَا ءَاتِنَا  
فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ } وَصَلَّى اللهُ  
وَسَلَّمَ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ  
رَبِّ الْعَالَمِينَ.

## DOA HARIAN

### DOA HARI ISNIN

---

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani

Segala puji bagi Allah yang mentadbir sekalian alam. Selawat dan salam ke atas semulia-mulia para Nabi dan Rasul dan penghulu kami junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. serta ahli keluarga dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

يَا اللَّهُ يَا شَكُورُ

Di hari yang mulia serta penuh keberkatan ini, kami melahirkan kesyukuran kami kepada-Mu kerana diberi peluang untuk memartabatkan perkhidmatan awam di negara ini.

يَا اللَّهُ يَا رَحِيمُ

Kami memohon restu dan kasih sayang-Mu yang berkekalan dalam menjalankan

tugas dan kewajiban yang diamanahkan. Jadikanlah kami golongan yang produktif dan berkualitas. Golongan yang berjaya melaksanakan tugas dengan sempurna dan berkesan. Ya Allah, hindarkan kami dari sifat-sifat lemah, malas dan suka bertangguh-tangguh dalam menjalankan tugas.

{ رَبَّنَا ظَلَمْنَا أَنْفُسَنَا وَإِنْ لَمْ تَغْفِرْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ }  
{ رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ }  
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ ءَالِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.



## DOA HARI SELASA

---

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي فَضَّلَنَا عَلَى سَائِرِ الْأُمَمِ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ، الْأَمِينِ الْمَبْعُوثِ رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ.

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihi

يَا اللَّهُ يَا خَبِيرٌ

Di hari yang mulia ini kami memohon taufik dan kesejahteraan dari-Mu. Anugerahkanlah kami kekuatan ilmu, iman dan cetusan idea yang bernas bagi meningkatkan mutu kerja dan kecekapan supaya ianya dapat memenuhi ekspektasi pelanggan dan jabatan.

يَا اللَّهُ يَا رَحْمَنُ

Engkau tunjukkanlah kami kearah kebaikan, pertingkatkan iman kami agar amalan hidup kami sihat dari segi rohani dan jasmani serta menjadi contoh ikutan generasi akan datang supaya bekerja dengan penuh dedikasi, amanah dan bertanggungjawab.

{ رَبَّنَا ظَلَمْنَا أَنفُسَنَا وَإِن لَّمْ تَغْفِرْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ }  
{ رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ }  
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ ءَالِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

## DOA HARI RABU

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ حَمْدًا يُؤَافِي نِعَمَهُ وَيُكَافِي مُزِيدَهُ يَا رَبَّنَا لَكَ  
الْحَمْدُ كَمَا يَنْبَغِي لِجَلَالِ وَجْهِكَ الْكَرِيمِ وَعَظِيمِ سُلْطَانِكَ.

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani

Anugerahkanlah kami kekuatan ilmu, imam dan kebijaksanaan untuk menerokai kejayaan. Jadikanlah diri kami insan yang berpandangan jauh , komited dengan kehendak dan perubahan zaman . Berikanlah kami kesihatan agar bergerak aktif menabur khidmat bakti kepada masyarakat dan negara Malaysia tercinta agar kedaulatan tanah air teguh terpelihara.

يَا اللَّهُ يَا قُدُّوسُ

Engkau tanamkanlah di dalam diri kami sifat amanah, bertanggungjawab dan keimanan yang mantap . Perteingkatkanlah i'tikad dan amalan kami agar taat mengerjakan suruhan dan taat menjauhi larangan serta redha menerima dugaan dan ikhlas menyempurnakan amalan.

{ رَبَّنَا ظَلَمْنَا أَنفُسَنَا وَإِن لَّمْ تَغْفِرْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ }  
{ رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ }  
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ ءَالِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

## DOA HARI KHAMIS

---

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالْعَاقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ وَلَا عُذْوَانَ إِلَّا عَلَى الظَّالِمِينَ  
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ  
أَجْمَعِينَ.

Ya Allah, ya Tuhan kami,

Di hari yang mulia ini , kami bermohon ke hadrat-Mu, berilah kekuatan , taufik dan hidayah kepada kami supaya kami dapat memperbaiki diri kami , tambahkanlah ya Allah kepada kami ilmu, iman dan amal. Kuatkanlah tekad dan semangat kami untuk berkhidmat kepada jabatan ini dengan lebih cekap serta cemerlang.

يَا اللَّهُ يَا رِزَّاقُ

Kami memohon kepada-Mu ya Allah, berilah kami iman yang sempurna , ilmu yang memberi manfaat, rezeki yang halal, anak yang soleh, rumahtangga yang bahagia, usia yang berkat, doa yang mustajab, hajat yang tertunai, kesihatan yang berterusan, hutang yang terbayar, keselamatan dan kesejahteraan di dunia dan akhirat.

{ رَبَّنَا ظَلَمْنَا أَنفُسَنَا وَإِن لَّمْ تَغْفِرْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ }  
{ رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ }  
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ ءَالِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

## DOA HARI JUMAAT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَرَبِّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ الْمَلِكِ الْقُدُّوسِ السَّلَامِ  
الْمُؤْمِنِ وَالصَّلَاةِ وَالسَّلَامِ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، الْأَمِينِ الْمَبْعُوثِ رَحْمَةً  
لِلْعَالَمِينَ.

يَا اللَّهُ يَا قَهَّارُ

Di hari yang mulia ini , kami berdoa memohon ke hadirat-Mu, satukanlah dan perteguhkanlah hati-hati kami di bawah keredhaan-Mu, lahirkanlah perasaan persaudaraan , berkasih sayang , bermuafakat , tanamkanlah ke dalam jiwa kami sifat sabar , tekun dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan serta di permudahkan segala urusan kami.

يَا اللَّهُ يَا مُجِيبُ

Engkau jadikanlah perkhidmatan awam di negara ini, perkhidmatan yang berkualiti lagi cemerlang agar dengannya dapat menjadikan negara kami maju dalam segala bidang agar ianya menjadi negara yang unggul , disegani , bertaraf dunia dan mendapat keredhaan-Mu ya Allah.

{ رَبَّنَا ظَلَمْنَا أَنْفُسَنَا وَإِنْ لَمْ تَغْفِرْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ {  
{ رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ {  
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.



## DOA HARI SABTU

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَحَاطَ بِكُلِّ شَيْءٍ عِلْمًا وَأَعْطَى كُلَّ شَيْءٍ خَلْقَهُ ثُمَّ  
هَدَىٰ وَصَلَّىٰ اللَّهُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ خَاتَمِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَىٰ  
آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

يَا اللَّهُ يَا كَرِيمُ

Di hari yang mulia ini, kami berdoa memohon keredhaan-Mu untuk melaksanakan segala tanggungjawab yang telah diamanahkan. Terapkanlah amalan kerja yang baik agar kami jadikan ia sebagai ibadah yang berterusan dan jauhkanlah sifat tercela, bukakanlah pintu hati kami bagi menerima segala kefahaman, curahkanlah hidayah-Mu agar dapat kami jadikannya sebaik-baik penghayatan.

يَا اللَّهُ يَا فَتَّاحُ

Jadikanlah al-Quran itu penyuluh hati kami, tunjukkanlah jalan yang benar agar kami ikuti, jelaskanlah perkara yang batil agar kami jauhi. Corakkanlah akhlak

kami dengan sifat mahmudah, lindungilah kami dari sifat mazmumah ,  
sesungguhnya Engkaulah Tuhan yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

{ رَبَّنَا ظَلَمْنَا أَنفُسَنَا وَإِن لَّمْ تَغْفِرْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ }  
{ رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ }  
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ ءَالِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

## DOA HARI AHAD

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَبِهِ نَسْتَعِينُ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَىٰ عَالِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ اللَّهُمَّ  
انصُرْنَا فَإِنَّكَ خَيْرُ النَّاصِرِينَ وَافْتَحْ لَنَا فَإِنَّكَ خَيْرُ الْفَاتِحِينَ وَاغْفِرْ لَنَا  
وَاهْدِنَا وَلَا تُؤَاخِذْنَا بِمَا فَعَلَ السُّفَهَاءُ مِنَّا يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ يَا ذَا الْجَلَالِ  
وَالْإِكْرَامِ.

اللَّهُمَّ يَا رَحْمَنُ يَا رَحِيمُ

Ya Allah, pada hari yang berbahagia ini, kami memohon keberkatan dan keredhaan dari-Mu agar segala usaha, tindakan dan amal perbuatan kami ini diterima serta mendapat kerahmatan dari-Mu ya Allah.

اللَّهُمَّ يَا عَزِيزُ يَا قَهَّارُ

Anugerahkanlah sifat kesungguhan dan ketekunan kepada diri kami, agar sentiasa dapat melaksanakan kerja dengan penuh rasa tanggungjawab yang telah diamanahkan.

Jadikanlah perkhidmatan kami ini yang lebih maju ke hadapan agar segala

urusan dapat diselesaikan dengan cekap, cepat dan teratur.

{ رَبَّنَا ظَلَمْنَا أَنْفُسَنَا وَإِنْ لَمْ تَغْفِرْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ }  
{ رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ }  
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ ءَالِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.